

18 JUN 1999

Singapura-Mahathir

AKHBAR SINGAPURA DIBIDAS KERANA CAMPURI URUSAN MALAYSIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat Malaysia hari ini mengenai cubaan asing mencampuri urusan negara ini terbukti berasas apabila sebuah akhbar Singapura mencadangkan lebih baik Malaysia ditadbir oleh satu kepimpinan baru dalam alaf baru ini.

Harian "Business Times" dalam lidah pengarangnya hari ini berkata bagi Dr Mahathir, sekadar memenangi pilihan raya umum akan datang sahaja, tidak akan menjadi kemuncak kepada pencapaian beliau.

"Itu hanya akan berlaku jika beliau dapat meletakkan asas bagi kemajuan ekonomi Malaysia secara berterusan dalam alaf baru di bawah pasukan baru.

"Ia hanya dapat dipenuhi jika beliau membenarkan muka baru muncul dan ide baru berkembang," kata akhbar itu.

Ulasan akhbar itu diterbitkan sehari selepas Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, menolak ura-ura beliau akan mengumumkan persaraan pada Perhimpunan Agung Umno ke 53 yang beliau rasmikan hari ini.

Dalam ucapan dasarnya pagi tadi, Dr Mahathir antara lain mengingatkan rakyat Malaysia mengenai usaha kuasa asing untuk melemah dan memusnahkan Umno, Barisan Nasional dan kerajaan dengan cara menyokong dan membantu pakatan pembangkang.

Business Times berkata sebagai perdana menteri yang paling lama berkhidmat, nama Dr Mahathir pasti terpacat dalam sejarah.

"Tetapi bagaimana beliau akan diingati juga bergantung kepada cara beliau menyerahkan kuasa. Secara khususnya, adakah beliau akan terus berada di persada lebih lama dari sepatutnya?"

Akhbar itu juga berkata "masa depan (Malaysia) tidak begitu baik" kerana nama Tengku Razaleigh Hamzah dan Tan Sri Musa Hitam disebut-sebut akan kembali menerajui Umno.

Menurutnya Barisan Nasional dianggotai parti-parti komponen yang kurang cenderung ke arah pembaharuan.

Ia berkata Datuk Seri Dr Ling Liong Sik telah memimpin MCA sejak 1986, Datuk Seri S. Samy Vellu mengetuai MIC sejak 1980, malahan Gerakan tidak menukar pemimpinnya sejak lebih 10 tahun.

Business Times adalah satu-satunya harian ekonomi di Singapura, negara yang hanya menyaksikan satu pertukaran perdana menteri sejak kemerdekaannya pada 1965. Lee Kuan Yew bersara pada 1990 selepas berkuasa selama 31 tahun tetapi kini masih berkhidmat sebagai Menteri Kanan.

Ketika diminta mengulas lidah pengarang itu, Tengku Razaleigh berkata tidak wajar bagi akhbar itu mengulas mengenai kepimpinan negara ini.

"Mereka adalah ejen yang cuba mencetus kekacauan," katanya.

"Sesiapa saja yang beranggapan sedemikian, mempunyai motif untuk menggugat hubungan baik antara negara dan rakyat."

Tengku Razaleigh berkata berdasarkan ucapan Dr Mahathir pagi tadi, ia jelas membuktikan kepimpinannya.

"Rakyat mahukan beliau terus memimpin," katanya.

"Kepimpinan negara ini akan ditentukan oleh rakyat negara ini dan kepimpinan parti akan ditentukan oleh anggota-anggota parti, bukannya oleh akhbar dan wartawan asing seperti ini," kata Tengku Razaleigh.

Samy Vellu turut membidas akhbar itu kerana mencampuri urusan negara ini.

"Mereka tidak ada hak bercakap mengenai kepimpinan negara ini. Hanya rakyat Malaysia boleh menentukan apa yang baik bagi negara ini," katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali

menyifatkan lidah pengarang itu sebagai tidak wajar dan tidak demokratik.

"Mereka tahu kita amalkan demokrasi. Dmokrasi bermakna sesiapa yang menikmati sokongan rakyat, seharusnya terus berkhidmat kepada mereka dan kepada negara," katanya.

Ibrahim yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata sokongan anggota parti terhadap Dr Mahathir adalah padu.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M.Kayveas membidas akhbar itu kerana tidak mempedulikan perasaan rakyat Malaysia.

Akhbar itu tidak seharusnya membuat ulasan itu, katanya.

-- BERNAMA

TCL ES SJ MAI